

**KEBERKESANAN PENGGUNAAN ALATAN TANGAN DALAM
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH
DAERAH SEGAMAT, JOHOR**

**PROF. MADYA DR. AZIZI YAHAYA
CHU SIEW PANG
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai Johor**

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan alatan tangan dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Daerah Segamat, Johor. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak berlapis. Sampel kajian terdiri daripada 346 responden yang dipilih dari 5 buah sekolah menengah di Daerah Segamat yang melibatkan 2 buah sekolah menengah dari kawasan bandar dan 3 buah sekolah menengah dari kawasan luar bandar. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang mengandungi 40 item soalan. Kajian rintis telah dijalankan terhadap 10 orang responden dari Sekolah Menengah Kamarul Arrifin dan Sekolah Menengah Dato Bentara Dalam untuk melihat kebolehpercayaan item-item soal selidik. Nilai kepercayaan hasil kajian rintis ialah 0.869. Perisian SPSS telah digunakan untuk menjalankan analisis statistik. Data analisis menggunakan statistik deskriptif yang meliputi min, peratusan, sistem piawai dan ujian-t. Hasil kajian mendapati keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup aspek penggunaan alatan tangan di kalangan guru Sekolah Menengah di Daerah Segamat, Johor adalah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga mendapati tidak wujud perbezaan yang signifikan antara kaedah pengajaran guru, pelajar mengetahui peraturan keselamatan, pelajar mempraktikkan kemahiran dalam kehidupan harian dan guru mempunyai kemahiran dalam menggunakan alatan tangan sewaktu kelas amali di sekolah menengah kawasan bandar dan juga kawasan luar bandar, Daerah Segamat, Johor.

(**katakunci:** keberkesanan, pengajaran dan pembelajaran, penggunaan alatan tangan)

ABSTRACT: The purpose of this research is to evaluate the effectiveness of using hand equipments in teaching and learning among secondary schools in Segamat, Johore. This research is using stratified sampling procedure. A total of 346 samples of Form Two students involving town area and rural area had been chosen as respondents. Among the five secondary school selected, two are from town area and the rests are from the rural area. Instrument that is used in this research is a questionnaire which contains 40 items. A pilot survey had been conducted toward 10 respondents from Sekolah Menengah Kamarul Arrifin and Sekolah Menengah Dato Bentara Dalam to identify the reliability of the questionnaire. As a result, the cronbach alpha is 0.869. The SPSS software was used to perform the statistical analysis required. Descriptive statistical method (mean, percentage, frequency and standard deviation) and the t- test were used to perform the analysis required. The findings showed that the effectiveness of teaching and learning Living Skills aspects using hand equipments among secondary schools in Segamat, Johore is at high level. In addition, there were no differences between town area and rural area in the teaching methods, student's knowledge about safety using the hand

equipments, students practice their capability in skills using hand equipments in their every day life and teacher's knowledge about using the hand equipments during the practical classes.

(**Keywords:** effectiveness, teaching and learning, using hand equipments)

1.0 Pengenalan

Subjek mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang telah dilaksanakan di sekolah menengah ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian teras dan bahagian elektif. Tiga komponen utama dalam bahagian teras adalah Reka Bentuk dan Teknologi, Perdagangan dan Keusahawanan serta kekeluargaan manakala empat komponen untuk elektif ialah Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian serta Perdagangan dan Keusahawanan. Dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup, bahagian teras ini adalah bahagian yang diwajibkan oleh semua pelajar sekolah menengah manakala dalam bahagian elektif pula, pelajar hanya diwajibkan mengambil salah satu dari komponen yang ditawarkan. Untuk bahagian elektif, komponen yang ditentukan oleh pihak sekolah kepada semua pelajar tingkatan satu akan dikekalkan sehingga ke tingkatan tiga. Kebanyakan komponen mata pelajaran Kemahiran Hidup ini melibatkan kerja amali.

Dalam kelas amali mata pelajaran Kemahiran Hidup, bukan semua pelajar sekolah menengah mampu mempraktikkan kerja amali dan juga teori yang telah dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian. Ini bercanggah dengan matlamat Kemahiran Hidup yang bertujuan untuk melahirkan pelajar dengan kemahiran asas dan boleh mempraktikkan kemahiran tersebut. Permasalahan ini merujuk balik semula kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah. Menurut Nordin Hassan (1991), guru Kemahiran Hidup perlu dilengkapi dengan kemahiran tertentu di semua bidang supaya dapat mengendalikan proses pembelajaran dan pengajaran dengan lebih cekap dan berkesan khususnya ketika proses pengajaran yang melibatkan kerja amali.

Dalam proses pembelajaran Kemahiran Hidup, pelajar perlu bekerjasama dengan rakan-rakan dalam projek kumpulan dan bekerja secara individu dalam projek individu semasa kerja amali dijalankan. Pelajar akan membuat projek secara praktikal dalam memenuhi tuntutan kerja kursus yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Projek-projek yang disiapkan oleh pelajar kemudian akan dikumpulkan bermula dari awal permulaan persekolahan sehingga ke penghujung sesi pengajaran dan juga pembelajaran. Ekoran itu, guru yang bertugas akan menilai kemajuan pelajar di akhir tajuk pembelajaran. Markah yang dikumpulkan kemudian akan dibuat analisis berdasarkan kebolehan dan kemahiran pelajar.

Memandangkan projek amali amat dititikberatkan dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan juga kehidupan seharian maka sepanjang waktu kelas amali, guru Kemahiran Hidup yang berperanan sebagai tenaga pengajar harus mempunyai kemahiran dan sentiasa membimbing pelajar tanpa mengira bangsa dan juga agama. Ini kerana projek amali yang ditentukan dalam Sukatan Pelajaran wajib diselesaikan oleh pelajar mengikut arahan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Jika terdapat pelajar yang lemah dan menghadapi masalah dalam kelas amali ini, guru perlu membimbing pelajar tersebut sehingga berjaya dan mencapai objektif pengajaran. Oleh itu, kaedah pengajaran yang dipilih oleh guru harus dapat menarik minat pelajar, mengekalkan perhatian pelajar, mencungkil kreativiti pelajar dan juga menimbulkan rasa ingin tahu pelajar. Selain itu,

penggunaan alatan tangan juga harus dititikberatkan supaya pelajar bukan sahaja sihat dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) malah dapat terus menuju ke arah kecemerlangan dalam kehidupan.

2.0 Pernyataan Masalah

Penggunaan alatan tangan merupakan salah satu aspek yang penting dalam kerja amali. Ini kerana dalam Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus yang diperkenalkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk Penilaian Menengah Rendah mulai 2005, aspek ini diuji secara langsung dalam modul dua (tingkatan dua) di bawah sub tajuk menggunakan alatan tangan. Sementara dalam modul empat (tingkatan tiga), penggunaan alatan tangan adalah secara tidak langsung dalam sub tajuk pembinaan projek.

Dengan itu, kajian mengenai kaedah pengajaran guru dan juga kemahiran guru dalam penggunaan alatan tangan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan perlu diselidik dan diambil kira dari segi persepsi pelajar untuk mengkaji keberkesanan pengajaran dan pembelajaran aspek penggunaan alatan tangan. Kaedah pengajaran yang tidak sesuai dan kemahiran guru yang tidak mencukupi dari persepsi pelajar tidak dapat memenuhi kepuasan pelajar dalam proses pembelajaran.

Keupayaan pelajar mempraktikkan kemahiran penggunaan alatan tangan yang dipelajari di sekolah dalam kehidupan sehari-harian adalah berbeza berdasarkan persepsi pelajar masing-masing. Masalah proses belajar merupakan masalah yang kompleks sifatnya (Ad.Rajjakkers, 1980).

Di samping itu, usaha meningkatkan pengetahuan pelajar tentang peraturan keselamatan semasa menggunakan alatan tangan juga dititikberatkan oleh guru semasa proses pengajaran dijalankan. Namun begitu, malang tidak berbau dan kecuaiian tetap pernah berlaku.

Untuk menangani masalah yang wujud ini, penyelidik mengkaji keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup dari aspek penggunaan alatan tangan di kalangan guru sekolah menengah di Daerah Segamat, Johor. Dalam kajian ini, pelajar yang menjadi penilai dan aspek kajian adalah melibatkan kaedah pengajaran guru, keupayaan pelajar mempraktikkan kemahiran menggunakan alatan tangan, kemahiran guru menggunakan alatan tangan dan juga pelajar mengetahui peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan

3.0 Objektif Kajian

Objektif kajian ini untuk mengkaji dan mengetahui keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup dari aspek penggunaan alatan tangan di kalangan guru sekolah menengah Daerah Segamat, Johor. Fokus objektif kajian adalah seperti berikut :-

- a) Untuk mengetahui kaedah pengajaran guru yang paling dominon dalam penggunaan alatan tangan di sekolah menengah, Daerah Segamat.
- b) Untuk mengetahui pengetahuan pelajar dari segi peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan semasa kerja amali di sekolah menengah, Daerah Segamat.

- c) Untuk mengetahui amalan pelajar dalam mempraktikkan kemahiran menggunakan alatan tangan yang dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian di sekolah menengah, Daerah Segamat.
- d) Untuk mengetahui sama ada guru mempunyai kemahiran dalam menggunakan alatan tangan sewaktu kelas amali di sekolah menengah, Daerah Segamat.

4.0 Persoalan Kajian

Penyelidik akan mengemukakan lima aspek persoalan yang berkaitan untuk dijawab oleh responden. Antara aspek-aspek kajian yang akan difokuskan adalah seperti berikut:-

- a) Apakah kaedah pengajaran guru yang paling dominon dalam penggunaan alatan tangan di sekolah menengah Daerah Segamat.
- b) Apakah pengetahuan pelajar dari segi peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan semasa kerja amali di sekolah menengah Daerah Segamat.
- c) Apakah amalan pelajar dalam mempraktikkan kemahiran menggunakan alatan tangan yang dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian di sekolah menengah Daerah Segamat.
- d) Apakah guru mempunyai kemahiran dalam menggunakan alatan tangan sewaktu kelas amali di sekolah menengah Daerah Segamat.
- e) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah pengajaran guru yang dominon, pengetahuan pelajar dari segi peraturan keselamatan, amalan pelajar dalam mempraktikkan kemahiran dan kemahiran guru dalam menggunakan alatan tangan di sekolah bandar dan sekolah luar bandar Daerah Segamat.

5.0 Hipotesis Kajian

Untuk mencapai tujuan dan objektif kajian ini, empat hipotesis nol (H_0) dikemukakan:-

- a) Hipotesis nol (H_{01}): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah pengajaran guru yang dominon dalam penggunaan alatan tangan di sekolah bandar dan sekolah luar bandar, Daerah Segamat.
- b) Hipotesis nol (H_{02}): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan pelajar dari segi peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan semasa kerja amali di sekolah bandar dan sekolah luar bandar, Daerah Segamat.
- c) Hipotesis nol (H_{03}): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pelajar dalam mempraktikkan kemahiran menggunakan alatan tangan yang telah dipelajari

di sekolah dalam kehidupan harian di sekolah bandar dan sekolah luar bandar, Daerah Segamat.

- d) Hipotesis nol (H04): Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru mempunyai kemahiran dalam menggunakan alatan tangan sewaktu kelas amali di sekolah bandar dan sekolah luar bandar, Daerah Segamat.

6.0 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik memilih responden kajian, negeri kajian, daerah kajian, nama sekolah kajian dan jenis alatan tangan kajian secara rawak mudah. Kekekangan masa menghadkan kajian yang dilakukan. Justeru itu, memandangkan banyak jenis alatan tangan yang digunakan oleh pelajar dalam kerja amali, penyelidik hanya memilih tiga jenis alatan tangan sahaja dalam kajian ini. Di samping itu, penyelidik hanya memilih sejumlah lima buah sekolah menengah sahaja yang turut melibatkan kawasan bandar dan juga luar bandar di Daerah Segamat mengikut kaedah perkadaran mudah. Penggunaan instrumen dalam kajian ini adalah hanya melibatkan penggunaan soal selidik sahaja.

7.0 Metodologi

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif yang bertujuan untuk mendapatkan data kuantitatif yang berkaitan dengan keberkesanan penggunaan alatan tangan dalam pengajaran dan pembelajaran di menengah Daerah Segamat, Johor. Dalam kajian ini, data-data akan dikutip menerusi edaran soal selidik kepada responden. Bentuk soal selidik yang diedarkan adalah dalam bentuk tertutup dan bahasa yang digunakan adalah dalam bentuk Bahasa Malaysia yang mudah difahami. Salah satu tujuan menyediakan reka bentuk kajian adalah untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan kajian (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999). Seterusnya data-data yang dikumpulkan akan dianalisis. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan SPSS (*Statistical Package For Sosial Science*) *realease 13.0* untuk menganalisis data. Statistik yang didapatkan daripadanya berbentuk peratusan, min, kekerapan, dan sisihan piawai. Selain itu, Ujian -t akan digunakan untuk meneliti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar di sekolah bandar dan sekolah luar bandar di beberapa buah sekolah menengah Daerah Segamat.

8.0 Dapatan Kajian

Dapatan Persoalan Kajian 1

Apakah kaedah pengajaran guru yang domina dalam penggunaan alatan tangan di sekolah menengah Daerah Segamat.

Jadual 4.11 : Taburan Bilangan Responden Mengikut Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kaedah Pengajaran Penggunaan Alatan Di Sekolah Menengah, Daerah segamat (n=346)

No. Item	Pernyataan	ATS	TS	TP	S	AS	Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	%	%		
1.	Semasa pengajaran kelas amali, guru saya mendemonstrasikan cara penggunaan alatan tangan.	2.0	2.3	2.0	53.2	40.5	4.28	0.790
4.	Guru saya menggunakan tayangan video untuk mengajar cara penggunaan alatan tangan.	0.9	50.0	21.7	23.4	4.0	2.80	0.945
7.	Guru saya menggunakan kaedah penyelesaian masalah semasa mengajar cara penggunaan alatan tangan.	9.5	51.7	19.4	17.9	1.4	2.50	0.943
10.	Guru saya hanya bercakap, menulis dan menerang cara penggunaan alatan tangan sementara saya dan rakan-rakan hanya mendengar dan menulis sewaktu kelas amali dijalankan.	1.4	55.8	15.0	25.4	2.3	2.71	0.940
15.	Guru saya selalu memberi latihan kepada saya semasa melakukan kerja amali.	2.3	55.8	10.4	29.2	2.3	2.73	0.983

(Bersambung...)

(Sambungan...)

19	Semasa kelas amali, saya dan rakan-rakan akan melaksanakan kerja-kerja amali manakala guru hanya memerhati dan membimbing	2.6	9.0	17.9	48.0	22.0	3.78	0.973
20.	Projek amali kerja kayu yang diberikan oleh guru semasa sesi pengajaran membolehkan saya menggunakan alatan tangan.	1.4	6.1	19.9	43.1	29.5	3.93	0.930
22.	Guru saya kerap menggunakan sesi perbincangan semasa kerja amali yang melibatkan penggunaan alatan tangan.	1.7	52.3	13.3	29.5	3.2	2.80	0.989
31.	Aktiviti lakonan membantu saya memahami kaedah penggunaan alatan tangan dengan mudah	4.0	52.3	13.9	27.5	2.3	2.72	0.987
32.	Semasa sesi pengajaran penggunaan alatan tangan, guru saya menggunakan kaedah soal jawab.	2.0	53.2	13.3	28.3	3.2	2.77	0.987
Purata							3.10	0.947

Jadual 4.11 di atas menunjukkan taburan data yang menunjukkan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai mengenai aspek kaedah pengajaran guru dalam penggunaan alatan tangan di sekolah menengah Daerah Segamat.

Item 1 merujuk kepada kaedah demonstrasi. Hasil dari analisis, didapati bahawa sejumlah 40.5 peratus responden amat setuju dengan item 1 iaitu semasa pengajaran kelas amali, guru saya mendemonstarsikan cara penggunaan alatan tangan dan sebanyak 53.2 peratus responden setuju dengan pernyataan tersebut. 2.3 peratus responden pula tidak setuju dan 2.0 peratus responden amat tidak setuju dengan pernyataan ini. Jumlah responden yang tidak pasti adalah sebanyak 2.0 peratus. Min keseluruhan bagi item 1 adalah 4.28 manakala sisihan piawai adalah 0.790.

Item 4 merujuk kepada kaedah media. Dalam item 4, nilai min adalah 2.80 manakala sisihan piawai adalah 0.945. Sebanyak 4.0 peratus responden amat setuju dan 23.4 peratus pula setuju dengan pernyataan yang menyatakan guru saya menggunakan tayangan video untuk mengajar cara penggunaan alatan tangan. Responden yang tidak pasti mencatat 21.7 peratus. Jumlah responden yang tidak setuju adalah sebanyak 50.0 peratus dan 0.9 peratus lagi amat tidak setuju dengan pernyataan ini.

Item 7 merujuk kepada kaedah penyelesaian masalah dengan pernyataan guru saya menggunakan kaedah penyelesaian masalah semasa mengajar cara penggunaan alatan tangan. Bagi item ini, sebanyak 1.4 peratus responden amat setuju dan 17.9 peratus responden setuju pernyataan ini. Jumlah responden yang tidak pasti dalam item ini adalah sejumlah 19.4 peratus. Responden yang tidak setuju dan amat tidak setuju dengan item ini pula masing-masing mencatat 51.7 peratus dan 9.5 peratus. Min untuk item ini adalah 2.50 dan sisihan piawai pula adalah 0.943.

Bagi pernyataan item 10, ia mencatat nilai min 2.71 dan sisihan piawai 0.940. Pernyataan tersebut iaitu guru saya hanya bercakap, menulis dan menerangkan cara penggunaan alatan tangan sementara saya dan rakan-rakan hanya mendengar dan menulis sewaktu kelas amali dijalankan. Pernyataan ini memfokuskan kepada kaedah syarahan yang digunakan sewaktu pengajaran. Jumlah responden yang amat setuju mencatat 2.3 peratus responden, responden setuju mencatat 25.4 peratus, responden yang tidak pasti mencatat 15.0 peratus, responden tidak setuju mencatat 55.8 peratus manakala 1.4 peratus lagi amat tidak setuju dengan pernyataan ini.

Nilai min bagi item 15 adalah 2.73 manakala sisihan piawai pula ialah 0.983. Pernyataan ini memfokuskan kaedah latih tubi dengan pernyataan guru saya selalu memberi latih tubi kepada saya semasa melakukan kerja amali. Bagi item ini, sejumlah 2.3 peratus responden amat setuju dan 101 orang responden (29.2 peratus) setuju dengan pernyataan ini. Responden yang tidak pasti mencatat 10.4 peratus, responden yang tidak setuju pula mencatat 55.8 peratus dan responden yang amat tidak setuju mencatat 2.3 peratus.

Pernyataan item 19 ialah “ Semasa kerja amali, saya dan rakan-rakan akan melaksanakan kerja-kerja amali manakala guru hanya memerhati dan membimbing.” Pernyataan ini memfokus kepada kaedah amali atau bengkel. Responden yang sangat setuju mencatat 22 peratus dan responden yang setuju mencatat 48 peratus. Responden yang tidak setuju dan amat tidak setuju masing-masing mencatat jumlah 9.0 peratus dan 2.6 peratus. Responden yang tidak pasti ialah sebanyak 17.9 peratus. Nilai min untuk item ini mencatat 3.78 manakala sisihan piawai pula mencatat 0.937.

Bagi item 20 pula, nilai min yang dicatat ialah 3.93. Nilai min ini berada pada tahap penilaian min yang tinggi. Sisihan piawai item ini pula mencatat nilai 0.930. Item ini berkaitan dengan kaedah projek. Pernyataan item ini ialah “ Projek amali kerja kayu yang diberikan oleh guru semasa sesi pengajaran membolehkan saya menggunakan alatan tangan”. Sejumlah 29.5 peratus amat setuju dan 43.1 peratus pula setuju dengan item ini. Sejumlah 19.9 peratus lagi adalah tidak pasti. Jumlah responden yang tidak setuju dalam item ini adalah sebanyak 6.1 peratus dan amat tidak setuju pula adalah sebanyak 1.4 peratus.

Bagi item 22 iaitu guru saya kerap menggunakan sesi perbincangan semasa kerja amali yang melibatkan penggunaan alatan tangan. Nilai min dan nilai sisihan piawai yang dicatat masing-masing adalah 2.80 dan 0.989. Item ini memfokuskan kaedah

perbincangan. Responden yang amat setuju mencatat 3.2 peratus manakala responden yang setuju mencatat 29.5 peratus. Responden yang tidak pasti dengan pernyataan ini mencatat sejumlah 13.3 peratus. 52.3 peratus tidak setuju dengan item ini dan bakinya 4.0 peratus pula amat tidak setuju.

Item 31 pula memfokuskan kepada kaedah simulasi dengan pernyataan aktiviti lakonan membantu saya memahami kaedah penggunaan alatan tangan dengan mudah. Nilai min item ini ialah 2.72 dan sisihan piawai pula 0.987. Sejumlah 2.3 peratus responden amat setuju dan 27.5 peratus responden setuju dengan pernyataan ini. Sejumlah 13.9 peratus responden tidak setuju dengan item ini dan 4.0 peratus responden amat tidak setuju dengan pernyataan ini. Bakinya 13.9 peratus adalah tidak pasti.

Bagi item terakhir untuk persoalan kajian satu ialah item 32, nilai minnya ialah 2.77 dan nilai sisihan piawainya pula ialah 0.987. Item ini berkaitan dengan kaedah soal jawab. Pernyataan item ini ialah “ Semasa sesi pengajaran penggunaan alatan tangan, guru saya menggunakan kaedah soal jawab.” Sejumlah 28.3 peratus amat setuju manakala 53.2 peratus responden menyatakan tidak setuju. Responden yang tidak pasti ialah sejumlah 13.3 peratus. Responden yang amat setuju dan amat tidak setuju pula adalah sebanyak 3.2 peratus responden dan 2.0 peratus.

Keseluruhannya, nilai purata min bagi persoalan kajian 1 ialah 3.10. Ini menunjukkan kaedah pengajaran guru dalam penggunaan alatan tangan di sekolah menengah Daerah Segamat adalah berada pada tahap yang sederhana . Purata sisihan piawai pula ialah 0.947. Bagi kaedah pengajaran guru dalam penggunaan alatan tangan, nilai min tertinggi ialah 4.28 iaitu item 1 manakala item 7 mencatat nilai min yang terendah iaitu 2.50. Item 19 dan 20 juga menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu antara 3.68 -5.00 manakala item 4, 7, 10, 15, 31 dan 32 menunjukkan nilai min yang sederhana iaitu antara 2.34 - 3.67.

b. Dapatan Persoalan Kajian 2

Apakah pengetahuan pelajar dari segi peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan semasa kerja amali di sekolah menengah, Daerah Segamat.

Jadual 4.13 : Taburan Bilangan Responden Mengikut Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pengetahuan Pelajar Dari Segi Peraturan Keselamatan Menggunakan Alatan Tangan Semasa Kerja Amali Di Sekolah Menengah Daerah Segamat (n=346)

No. Item	Pernyataan	ATS	TS	TP	S	AS	Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	%	%		
3.	Saya mengetahui peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan.	2.9	3.2	21.4	35.8	36.7	4.0	0.985

6	Saya akan meletakkan semua alatan tangan yang digunakan ke tempat asal.	0.6	2.3	10.4	30.1	56.6	4.4	0.811
21	Saya sentiasa berwaspada semasa menggunakan alatan tangan dalam kerja amali.	2.0	4.9	19.1	37.6	36.4	4.01	0.967
23	Saya tidak bermain dengan kawan semasa saya sedang menggunakan alatan tangan.	3.2	9.5	0.9	56.1	30.3	4.01	0.911
24	Saya mematuhi peraturan keselamatan semasa menggunakan alatan tangan contohnya pita pengukur.	1.7	5.5	24.0	44.2	24.6	3.84	0.916
26	Saya mematuhi peraturan keselamatan di dalam bengkel.	0.3	6.4	21.4	39.0	32.7	3.98	0.909
27	Saya sentiasa mengamalkan peraturan keselamatan semasa menggunakan alatan tangan.	2.0	4.0	21.7	39.6	32.7	3.97	0.943
33	Semasa di bengkel, saya tidak menggunakan alatan tangan untuk bergaduh dengan rakan-rakan.	2.9	6.1	6.1	55.5	29.5	4.03	0.927
38	Saya tidak berbual-bual sambil ketawa dengan rakan-rakan semasa menggunakan alatan tangan.	2.6	6.9	18.2	48	24.3	3.84	0.956

40	Saya mengetahui cara menggunakan alatan tangan seperti gergaji tangan, tukul kuku kambing dan pita pengukur.	2.9	8.7	14.5	50.3	23.7	3.83	0.981
Purata							3.99	0.931

Jadual 4.13 di atas menunjukkan taburan bilangan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi pelajar mengetahui peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan semasa kerja amali di sekolah menengah, Daerah Segamat. Dalam persoalan ini, sebanyak 10 soalan telah disediakan.

Berdasarkan kepada jadual 4.13, didapati 36.7 peratus responden amat setuju dengan item 3 iaitu saya mengetahui peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan dan seramai 35.8 peratus responden setuju. Sejumlah 3.2 peratus responden tidak setuju dan 2.9 peratus sangat tidak setuju. Bakinya 21.4 peratus tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Min untuk item ini ialah 4.0 peratus dan sisihan piawai item 3 ialah 0.985.

Bagi item 6, ia mencatatkan nilai min 4.40 manakala sisihan piawai pula ialah 0.811. Pernyataan item ini ialah saya akan meletakkan semua alatan tangan yang digunakan ke tempat asal. Seramai 30.1 peratus responden bersetuju dan 56.6 peratus amat setuju dengan item tersebut. Responden tidak pasti mencatatkan 10.4 peratus manakala 2.3 peratus responden tidak setuju dan 0.6 peratus lagi sangat tidak setuju.

Bagi item 21 pula nilai min yang dicatatkan pula ialah 4.01 dan sisihan piawainya adalah 0.967. Seramai 36.4 peratus responden amat setuju dengan pernyataan saya sentiasa berwaspada semasa menggunakan alatan tangan dalam kerja amali manakala 37.6 peratus responden pula adalah setuju. Responden yang tidak setuju mencatatkan 4.9 peratus, responden yang amat tidak setuju mencatatkan 2.0 peratus dan 19.1 peratus responden lagi tidak pasti dengan pernyataan tersebut.

Untuk item 23 iaitu saya tidak bermain dengan kawan semasa saya sedang menggunakan alatan tangan, seramai 30.3 peratus menyatakan amat setuju, 56.1 peratus menyatakan setuju dan 0.9 peratus menyatakan tidak pasti. Responden yang tidak setuju seramai 9.5 peratus dan hanya 3.2 peratus menyatakan amat tidak setuju dengan pernyataan ini. Nilai min item ini ialah 4.01 manakala sisihan piawainya adalah 0.991.

Bagi item 27 iaitu saya sentiasa mengamalkan peraturan keselamatan semasa menggunakan alatan tangan seramai 39.6 peratus responden menyatakan setuju dan 4.0 peratus menyatakan tidak bersetuju. Responden tidak pasti mencatatkan 21.7 peratus, responden amat setuju mencatatkan 32.7 peratus dan responden amat tidak setuju mencatatkan 2.0 peratus. Nilai min untuk item ini ialah 3.97 dan sisihan piawainya ialah 0.943.

Seterusnya item 33 pula mencatatkan nilai min 4.03. Pernyataan item ini ialah semasa di bengkel, saya tidak menggunakan alatan tangan untuk bergaduh dengan rakan-rakan. Dalam item ini, 55.5 peratus menyatakan setuju manakala 29.5 peratus menyatakan amat setuju dan 6.1 peratus pula menyatakan tidak pasti. 6.1 peratus menyatakan tidak setuju dan 2.9 peratus lagi amat tidak setuju terhadap pernyataan item tersebut. Sisihan piawai item ini ialah 0.927 dan min pula ialah 4.03.

Hasil analisis didapati purata min bagi persoalan kajian ini ialah 3.99 manakala purata sisihan piawai pula ialah 0.931. Ini menunjukkan pelajar mengetahui peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan semasa kerja amali di sekolah menengah, Daerah Segamat berada pada tahap penilaian yang tinggi. Nilai min tertinggi ialah 4.40 iaitu item 6 manakala item 40 mencatatkan min terendah iaitu 3.83. Item 3, 21, 23, 24, 26, 27, 33 dan 38 menunjukkan nilai min pada tahap penilaian yang tinggi. Persoalan kajian ini tidak mempunyai item yang berada pada tahap yang rendah dan sederhana.

c. **Dapatan Persoalan Kajian 3**

Apakah amalan pelajar dalam mempraktikkan kemahiran menggunakan alatan tangan yang dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian di sekolah menengah Daerah Segamat.

Jadual 4.15: Taburan Bilangan Responden Mengikut Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Amalan Pelajar Dalam Mempraktikkan Kemahiran Menggunakan Alatan Tangan Yang Dipelajari Di Sekolah Dalam Kehidupan Harian Di Sekolah Menengah Daerah Segamat (n=346)

No. Item	Pernyataan	ATS	TS	TP	S	AS	Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	%	%		
2	Saya boleh menggunakan tukul kuku kambing Untuk mencabut paku.	1.2	14.2	28.0	36.7	19.9	3.6	0.997
9	Saya membantu ibu bapa untuk mengukur, memaku dan menggergaji dalam aktiviti harian.	3.8	1.7	28.0	36.4	30.1	3.87	0.987
12	Saya sentiasa membantu keluarga dalam aktiviti yang melibatkan penggunaan alatan tangan tanpa disuruh.	3.2	8.4	33.2	37.6	17.6	3.58	0.978
14	Saya dapat menggunakan tukul kuku kambing dengan baik.	3.8	5.2	27.7	47.4	15.9	3.66	0.934

17	Saya dapat menggunakan alatan tangan di rumah dengan baik.	2.9	4.0	24.3	38.4	30.3	3.89	0.980
25	Saya menggunakan tukul kuku kambing untuk memaku dan memperbaiki kerusi yang rosak di rumah.	1.4	13.0	13.3	55.5	16.8	3.73	0.939
28	Semasa di rumah, saya boleh menggunakan alatan tangan yang sedia ada untuk membuat bangku kecil.	5.5	5.5	26.3	49.1	13.6	3.60	0.977
30	Saya boleh menggunakan alatan tangan di rumah untuk memperbaiki kerusi dan meja yang rosak.	2.6	11.0	10.7	53.8	22.0	3.82	0.984
36	Saya boleh menggunakan gergaji untuk menggergaji papan di rumah.	1.7	11.8	10.4	55.5	20.5	3.81	0.952
39	Saya boleh menggunakan pita pengukur untuk mengukur semasa hendak menandakan ukuran panjang pada papan.	2.9	3.8	23.1	42.8	27.5	3.81	0.951
Purata							3.74	0.968

Berdasarkan kepada jadual 4.15 di atas, min bagi item 9 pula, nilai min ialah 3.89 manakala sisihan piawai adalah 0.987. 1.7 peratus responden menyatakan tidak setuju dengan pernyataan item tersebut dan 2.6 peratus responden amat tidak setuju. Responden yang tidak pasti mencatatkan 28.0 peratus, manakala responden yang setuju dan amat setuju dengan pernyataan tersebut masing-masing ialah sejumlah 36.40 peratus responden dan 30.1 peratus responden. Pernyataan item tersebut ialah saya membantu ibu bapa untuk mengukur, memaku dan menggergaji dalam aktiviti harian.

Item 17 iaitu saya dapat menggunakan alatan tangan di rumah dengan baik. mencatatkan responden sejumlah 30.3 peratus yang amat setuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 38.4 peratus responden pula setuju manakala 24.3 peratus responden menyatakan tidak pasti. Responden yang tidak setuju mencatatkan 4.0 peratus dan responden yang amat tidak setuju pula mencatatkan 2.9 peratus. Min bagi item ini adalah 3.89 dan sisihan piawai pula ialah 0.980.

Nilai min untuk item 25 ialah 3.73 manakala sisihan piawai ialah 0.939. Pernyataan item ini ialah saya menggunakan tukul kuku kambing untuk memaku dan membaiki kerusi yang rosak di rumah. Item ini mencatatkan sejumlah 13.0 peratus responden menyatakan amat tidak setuju, 38.4 peratus responden menyatakan tidak setuju, 13.3 peratus responden menyatakan tidak pasti, 16.8 peratus responden menyatakan amat setuju dan 55.5 peratus responden lagi menyatakan setuju.

Untuk item 30 iaitu saya boleh menggunakan alatan tangan di rumah untuk membaiki kerusi dan meja yang rosak, nilai min item ini ialah 3.82. 53.8 peratus responden menyatakan setuju dengan pernyataan ini manakala 22.0 peratus responden menyatakan amat setuju. Responden yang menyatakan tidak setuju mencatatkan 11.0 peratus dan 2.6 peratus responden menyatakan amat tidak setuju. Responden yang tidak pasti dengan item ini sejumlah 10.7 peratus.

Bagi item 36, seramai 55.5 peratus responden bersetuju dengan pernyataan saya boleh menggunakan gergaji untuk menggergaji papan di rumah. Sejumlah 20.5 peratus responden menyatakan amat setuju dengan pernyataan tersebut manakala 11.8 peratus pula menyatakan tidak setuju dan 1.7 peratus responden lagi menyatakan amat tidak setuju. Selain itu, 11.8 peratus responden menyatakan tidak pasti. Nilai min bagi item ini ialah 3.8 manakala sisihan piawai bagi item ini ialah 0.952.

Item 39 merupakan item terakhir dalam persoalan kajian ketiga iaitu saya boleh menggunakan pita pengukur untuk mengukur semasa hendak menandakan ukuran panjang pada papan. Sejumlah 3.8 peratus responden menyatakan tidak setuju manakala 2.9 peratus responden lagi menyatakan amat tidak setuju. Responden yang tidak pasti dengan item ini mencatatkan 23.1 peratus. 42.8 peratus responden menyatakan setuju dan 20.5 peratus responden amat setuju dengan item ini. Nilai min bagi item ini ialah 3.88 dan sisihan piawai pula ialah 0.951.

Kesimpulannya, nilai min purata pelajar dapat mempraktikkan kemahiran dalam menggunakan alatan tangan yang dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian di sekolah menengah Daerah Segamat adalah 3.74. Ini menunjukkan tahap pelajar dapat mempraktikkan kemahiran dalam menggunakan alatan tangan yang dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian di sekolah menengah Daerah Segamat adalah berada pada tahap yang tinggi. Bagi tahap min terendah ialah 3.58 iaitu item 12 dan min tertinggi pula ialah 3.89 iaitu item 17. Item 14, 28 dan 30 menunjukkan nilai min sederhana iaitu antara 2.34 hingga 3.66 manakala item 2, 9, 17, 25, 36 dan 39 menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu masing-masing adalah 3.87, 3.82, 3.89, 3.73, 3.81 dan 3.88.

d. Dapatan Persoalan Kajian 4

Apakah guru mempunyai kemahiran terhadap kerja amali KH aspek penggunaan alatan tangan sewaktu kelas amali di sekolah menengah Daerah Segamat.

Jadual 4.17 : Taburan Bilangan Responden Mengikut Peratusan, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Guru Mempunyai Kemahiran Kerja Amali KH Aspek Penggunaan Alatan Tangan Sewaktu Kelas Amali Di Sekolah Menengah Daerah Segamat (n=346)

No. Item	Pernyataan	ATS	TS	TP	S	AS	Min	Sisihan Piawai
		%	%	%	%	%		
5	Tunjuk cara yang disampaikan oleh guru dalam penggunaan alatan tangan meyakinkan saya.	2.9	4.6	31.2	38.7	22.5	3.73	0.956
8	Guru saya boleh menggunakan pita pengukur untuk mengukur dan menandakan ukuran.	2.0	6.9	23.4	39.9	27.7	3.84	0.974
11	Guru saya cekap mengendalikan alatan tangan dalam bengkel.	2.3	5.8	0.3	60.7	30.9	4.12	0.860
13	Guru saya dapat memberi tunjuk cara dalam kelas amali dengan cekap dan berkesan	1.4	6.4	24.3	34.4	33.5	3.92	0.979
16	Langkah-langkah guru saya menggunakan alatan tangan sangat teratur dan mudah difahami.	-	5.5	16.2	44.5	33.8	4.07	0.847
18	Guru saya boleh menggunakan alatan tangan dengan baik.	2.3	3.2	17.3	29.5	47.7	4.17	0.979

(Bersambung...)

(Sambungan...)

29	Guru saya mahir menggunakan alatan tangan seperti gergaji tangan, pita pengukur dan tukul kuku kambing dalam membantu pelajar yang bermasalah dengan projek amali.	2.9	0.3	20.2	38.2	38.4	4.09	0.923
34	Guru saya boleh menggunakan gergaji tangan untuk menggergaji.	2.9	6.1	6.1	55.5	29.1	4.03	0.927
35	Saya meyakini tunjuk cara guru saya terhadap penggunaan alatan tangan.	4.0	4.0	14.2	48.6	29.2	4.03	0.927
37	Guru saya boleh menggunakan tukul kuku kambing untuk memaku.	2.3	7.5	20.8	39.9	29.5	3.87	0.998
Purata							3.98	0.942

Jadual 4.17 merupakan taburan data yang menunjukkan frekuensi, peratusan dan min mengenai guru mempunyai kemahiran terhadap kerja amali KH aspek penggunaan alatan tangan sewaktu kelas amali di sekolah menengah Daerah Segamat.

Untuk item 11, nilai min ialah 4.12 manakala sisihan piawai adalah 4.12. 60.7 peratus responden bersetuju dengan pernyataan item tersebut iaitu guru saya cekap mengendalikan alatan tangan dalam bengkel. 30.9 peratus responden amat setuju, 5.8 peratus responden menyatakan tidak setuju, 2.3 peratus menyatakan amat tidak setuju dan 0.3 peratus responden tidak pasti.

Item 16 mencatatkan nilai min sebanyak 4.07 manakala sisihan piawai pula adalah 0.847. Seramai 44.5 peratus menyatakan setuju dengan pernyataan langkah-langkah guru saya menggunakan alatan tangan sangat teratur dan mudah difahami manakala 5.5 peratus menyatakan tidak setuju. Responden yang amat setuju mencatatkan 33.8 peratus dan 10 responden (13.7%) lagi menyatakan tidak pasti.

Untuk item 18 pula, 29.5 peratus menyatakan setuju dengan pernyataan ‘guru saya boleh menggunakan alatan tangan dengan baik.’ 47.7 peratus responden menyatakan amat setuju manakala seramai 2.3 peratus responden menyatakan amat tidak

setuju. Responden yang menyatakan tidak setuju mencatatkan 3.2 peratus dan responden yang menyatakan tidak pasti mencatatkan 17.3 peratus. Min bagi item ini ialah 4.17 manakala sisihan piawai ialah 0.979.

Pernyataan item 29 iaitu guru saya mahir menggunakan alatan tangan seperti gergaji tangan, pita pengukur dan tukul kuku kambing dalam membantu pelajar yang bermasalah dengan projek amali mencatatkan nilai min 4.09 manakala sisihan piawai adalah 0.923. Jumlah responden yang amat setuju mencatatkan 38.4 peratus responden manakala responden yang setuju mencatatkan 38.2, responden tidak pasti mencatatkan 20.2 peratus manakala 0.3 peratus responden tidak setuju dan 2.9 peratus lagi amat tidak setuju dengan pernyataan ini.

Bagi item 33 iaitu guru saya boleh menggunakan gergaji tangan untuk menggergaji. Sejumlah 55.5 peratus responden setuju dan 29.5 peratus responden amat setuju dengan pernyataan ini. 6.1 peratus responden tidak pasti, responden yang amat setuju ialah 29.5 peratus dan 2.9 peratus responden amat tidak setuju. Min item ini ialah 4.03 dan sisihan piawai pula ialah 0.927.

Nilai min bagi item 35 ialah 4.03 manakala sisihan piawai ialah 0.980. Pernyataan item ini iaitu saya meyakini tunjuk cara guru saya terhadap penggunaan alatan tangan. Sejumlah 48.6 peratus menyatakan setuju, 29.2 peratus menyatakan amat setuju, 14.2 peratus responden menyatakan tidak pasti, 4.0 peratus menyatakan tidak setuju dan 4.0 peratus responden lagi menyatakan amat tidak setuju.

Secara keseluruhannya, nilai min bagi guru mempunyai kemahiran terhadap kerja amali KH aspek penggunaan alatan tangan sewaktu kelas amali di sekolah menengah Daerah Segamat adalah tinggi iaitu 3.98. Dalam aspek guru mempunyai kemahiran terhadap kerja amali KH aspek penggunaan alatan tangan sewaktu kelas amali di sekolah menengah Daerah Segamat, nilai min pada item 18 ialah 4.17. Ini menunjukkan nilai min yang tertinggi. Nilai min yang terendah untuk persoalan kajian ini ialah 3.73 iaitu item 37. Item 5, 8, 11, 13, 16, 29, 33, 35 dan 37 menunjukkan nilai min pada tahap penilaian yang tinggi iaitu antara 3.68 hingga 5.00

e. Analisis Keseluruhan Persoalan Kajian

Jadual 4.23: Analisis Keseluruhan Peratusan dan Min Dan Sisihan Piawai Responden Yang Menjawab Persoalan Kajian (n=346)

No.	Persoalan Kajian	Sisihan Piawai	Min	Tahap Penilaian
1.	Kaedah pengajaran guru	0.947	3.10	Sederhana
2.	Pelajar mengetahui peraturan keselamatan	0.931	3.99	Tinggi
3.	Pelajar mempraktikkan kemahiran	0.968	3.74	Tinggi
4.	Kemahiran guru	0.942	3.98	Tinggi
Purata Keseluruhan		0.947	3.70	Tinggi

Sumber: Kajian Sebenar

Jadual 4.23 di atas menunjukkan analisis keseluruhan sisihan piawai dan min responden yang menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan yang tertinggi adalah persoalan pelajar mengetahui peraturan keselamatan dan diikuti dengan persoalan kemahiran guru iaitu 3.98, min untuk pelajar mempraktikkan kemahiran dan kaedah pengajaran guru pula masing-masing

menunjukkan 3.74 dan 3.10. Min keseluruhan yang terendah iaitu 3.10. Purata min keseluruhan semua aspek yang dikaji ialah 3.70 dan berada pada tahap penilaian yang tinggi.

8.0 Analisis Hipotesis

Jadual 4.19: Analisis Ujian-t Untuk Kaedah Pengajaran Guru Dalam Penggunaan Alatan Tangan Di Sekolah Menengah Daerah Segamat

Kawasan Sekolah	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Bandar	132	3.13	0.302	344	1.360	0.477
Luar Bandar	214	3.09	0.316	287.168	1.375	

* Signifikan pada aras keertian 0.05

Berdasarkan jadual 4.19 di atas, dapatan kajian mendapati nilai signifikan 0.477. Nilai signifikan ini adalah melebihi signifikan pada aras keertian. Dengan itu, hipotesis nol ini diterima. Keputusan ini menunjukkan kepada kita bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah pengajaran guru dalam penggunaan alatan tangan di sekolah menengah yang berada di kawasan bandar dan luar bandar, Daerah Segamat.

Jadual 4.20: Analisis Ujian-t Untuk Pengetahuan Pelajar Dari Segi Peraturan Keselamatan Menggunakan Alatan Tangan Semasa Kerja Amali Di Sekolah Menengah, Daerah Segamat

Kawasan Sekolah	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Bandar	132	4.08	0.488	344	2.451	0.404
Luar Bandar	214	3.94	0.528	294.379	2.498	

* Signifikan pada aras keertian 0.05

Jadual 4.20 di atas menunjukkan ujian -t untuk pelajar mengetahui peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan semasa kerja amali di sekolah menengah Daerah Segamat. Nilai signifikan yang diperolehi dalam persoalan kajian ini ialah 0.404. Nilai signifikan ini adalah melebihi signifikan pada aras keertian iaitu 0.05. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini menunjukkan hipotesis nol diterima dan tidak terdapat Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar mengetahui peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan semasa kerja amali di sekolah menengah yang berada di kawasan bandar dan luar bandar, Daerah Segamat.

Jadual 4.21: Analisis Ujian-t Untuk Amalan Pelajar Dalam Mempraktikkan Kemahiran Menggunakan Alatan Tangan Yang Dipelajari Di Sekolah Dalam Kehidupan Harian Di Sekolah Menengah Daerah

Segamat.

Kawasan Sekolah	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Bandar	132	3.755	0.4738	344	0.897	0.993
Luar Bandar	214	3.727	0.9550	287.034	0.906	

* Signifikan pada aras keertian 0.05

Jadual 4.21 menunjukkan analisis Ujian-t untuk pelajar dapat mempraktikkan kemahiran dalam menggunakan alatan tangan yang dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian di sekolah menengah Daerah Segamat. Dapatan kajian menunjukkan nilai signifikan pada 0.993. Nilai signifikan ini adalah melebihi signifikan pada aras keertian 0.05. Dapatan kajian ini menunjukkan hipotesis nol diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar mempraktikkan kemahiran dalam menggunakan alatan tangan yang telah dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian di sekolah bandar dan sekolah luar bandar, Daerah Segamat.

Jadual 4.22 : Analisis Ujian-t Untuk Guru Mempunyai Kemahiran Dalam Menggunakan Alatan Tangan Sewaktu Kelas Amali Di Sekolah Menengah Daerah Segamat.

Kawasan Sekolah	Bil	Min	Sisihan Piawai	Df	T	Signifikan
Bandar	132	4.086	0.4814	344	3.011	0.174
Luar Bandar	214	3.913	0.5389	301.129	3.092	

* Signifikan pada aras keertian 0.05

Jadual di atas menunjukkan analisis ujian -t untuk guru mempunyai kemahiran dalam menggunakan alatan tangan sewaktu kelas amali di sekolah menengah Daerah Segamat. Nilai signifikan di atas menunjukkan 0.174. Nilai ini adalah lebih besar berbanding dengan signifikan pada aras keertian 0.05. Dengan itu, hipotesis nol diterima dan menunjukkan Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru mempunyai kemahiran dalam menggunakan alatan tangan sewaktu kelas amali di bandar dan luar bandar, Daerah Segamat.

10.0 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian daripada penyelidikan, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kerja amali aspek penggunaan alatan tangan sekolah menengah, Daerah Segamat. Di antara cadangan tersebut adalah seperti yang dinyatakan seterusnya:

a. Kaedah Pengajaran

- i) Hasil kajian penyelidik mendapati majoriti guru hanya menggunakan kaedah demonstrasi, kaedah amali dan juga kaedah projek dalam pengajaran penggunaan alatan tangan dan jarang menggunakan kaedah media, kaedah penyelesaian

masalah, kaedah syarahan, kaedah latih tubi, kaedah perbincangan dan kaedah simulasi. Guru adalah dicadangkan supaya mempelbagaikan kaedah pengajaran dan disyorkan boleh menggabungkan beberapa kaedah pengajaran dalam satu sesi pengajaran. Guru adalah dinasihatkan elak daripada menggunakan satu kaedah pengajaran yang sama sepanjang masa dalam satu sesi pengajaran tetapi harus berubah mengikut isi kandungan pengajaran, suasana pengajaran dan juga aras pengetahuan pelajar.

- ii) Di samping itu, berpandukan hasil kajian kaedah pengajaran yang kurang bervariasi, guru juga adalah dicadangkan menggunakan kaedah pengajaran yang berlainan sewaktu kelas waktu pagi dan juga kelas waktu tengah hari dalam kelas amali. Cadangan ini dibuat untuk memastikan kaedah pengajaran yang dipilih dalam pengajaran betul-betul memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam mencapai keberkesanan pengajaran.

b. Peraturan Keselamatan Menggunakan Alatan Tangan

- i) Dapatan kajian menunjukkan bahawa masih terdapat segelintir pelajar yang tidak mengetahui peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan. Dengan itu, adalah dicadangkan supaya guru memberi tunjuk ajar dari segi aspek keselamatan menggunakan alatan tangan yang akan terlibat dalam kelas amali sebelum satu kelas dimulakan. Cadangan ini dibuat adalah untuk membantu pelajar yang lemah ingatan untuk mengingat semula aspek keselamatan dari segi penggunaan alatan tangan yang mungkin telah dipelajari sebelum itu.
- ii) Di samping itu, guru Kemahiran Hidup juga dicadangkan untuk memberi kuiz ringkas kepada pelajar setiap kali sebelum kelas amali dimulakan. Soalan kuiz adalah berkisarkan peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan. Kuiz tersebut tidak melebihi masa 5 minit dan kuiz ini dijalankan dalam bentuk lisan. Cadangan ini dibuat adalah untuk mencungkil minat belajar di kalangan pelajar dan seterusnya meningkat serta memperkukuhkan asas pengetahuan pelajar dalam peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan.
- iii) Sewaktu pengajaran kelas amali, guru Kemahiran Hidup, Jabatan Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Johor dan kementerian Pendidikan pula disyorkan supaya memasukkan aspek pelajar mengetahui peraturan keselamatan menggunakan alatan tangan dalam ruangan markah projek dan juga dalam Dokumen Pentafsiran Kerja Kursus. Cadangan ini dibuat berdasarkan sifat semula jadi pelajar yang lazimnya peka terhadap markah yang diperolehi. Oleh yang demikian, dengan sistem cadangan ini, pelajar adalah diramalkan akan lebih berhati-hati dan berwaspada dalam menggunakan alatan tangan demi untuk mempertahankan markah yang bakal dikumpulkan dalam projek dan seterusnya terus menuju ke arah kecemerlangan. Tambahan lagi pengetahuan pelajar terhadap penggunaan alatan tangan dapat dipertingkatkan.

- iv) Pelajar sendiri harus berani dan jangan berasa malu untuk bertanya kepada guru yang bertanggungjawab sewaktu sesi pengajaran apabila mereka menghadapi masalah dalam mengendalikan alatan tangan dengan selamat.

c. Amalan Pelajar Dalam Mempraktikkan Kemahiran Yang Dipelajari Di sekolah Dalam Kehidupan Harian

- i) Dapatan kajian menunjukkan majoriti pelajar boleh mempraktikkan kemahiran yang dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian. Namun begitu, ada segelincir pelajar dari hasil kajian adalah tidak dapat berbuat demikian. Dengan itu, guru Kemahiran Hidup adalah dicadangkan untuk menyediakan soal selidik yang ringkas untuk dijawab oleh kedua ibu bapa pelajar. Cadangan ini dibuat untuk mengetahui pelajar menerusi ibu bapa mereka secara lebih mendalam tentang peluang pelajar dan kemampuan mereka dalam mempraktikkan kemahiran yang dipelajari di sekolah dalam kehidupan harian. Menerusi soal selidik tersebut juga, guru secara langsung boleh mengetahui setakat mana pelajar dapat mempraktikkan kemahiran dalam kehidupan harian menerusi persepsi kedua ibu bapa pelajar.
- ii) Guru Kemahiran Hidup seterusnya disyorkan agar mengadakan sesi perbincangan tentang pengalaman mereka mempraktikkan kemahiran dipelajari di sekolah dalam rumah antara guru Kemahiran Hidup sendiri dengan pelajar. Sesi perbincangan itu boleh diadakan sebulan sekali dalam masa 15 minit. Cadangan ini memberi peluang kepada pelajar untuk kongsi pengalaman mereka dengan rakan sekelas. Di samping itu, menerusi sesi perbincangan ini, secara tidak langsung memberi pendedahan yang baru kepada pelajar dalam menghadapi cabaran semasa mengaplikasikan kemahiran di rumah. Sesi perbincangan ini juga akan memberi satu dorongan kepada pelajar yang masih tidak berminat untuk mengaplikasikan kemahiran tersebut untuk mula melibatkan diri dalam aplikasi kemahiran dalam rumah.
- iii) Pelajar harus sentiasa mengambil peluang di rumah dalam kehidupan harian untuk mempraktikkan kemahiran yang dipelajari di sekolah. Sekiranya tidak mendapat keizinan dari kedua ibu bapa, pelajar boleh berbincang dengan kedua ibu bapa secara rasional tentang kebaikan yang diperolehi menerusi pengalaman yang dikumpulkan.

d. Guru Mempunyai Kemahiran Untuk Menggunakan Alatan Tangan

- i) Dapatan kajian menunjukkan kemahiran guru adalah berada pada tahap yang tinggi. Namun begitu, adalah disyorkan Pengetua sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah Segamat, Jabatan Pelajaran Johor dan Kementerian Pendidikan mengadakan penilaian tahap kecekapan guru dari segi mata pelajaran yang diajarnya. Penilaian tersebut boleh dilakukan dengan menerusi kerja amali ataupun kertas soal selidik. Cadangan ini dibuat untuk memantapkan lagi tahap pengetahuan umum guru dan juga kemahiran guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam menggunakan alatan tangan. Selain itu, cadangan ini dibuat juga mengambil kira kekurangan guru Kemahiran Hidup yang tetap

berlaku di Malaysia. Dengan itu, ada kemungkinan guru yang mengajar Kemahiran Hidup bukan opsi Kemahiran Hidup ataupun tidak ada pengalaman langsung dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup.

11.0 Kesimpulan

Hasil daripada kajian penyelidikan mendapati bahawa secara keseluruhannya pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup aspek penggunaan alatan tangan adalah berkesan. Walau bagaimanapun, pelajar, guru, ibu bapa, Pejabat Pelajaran Daerah, Pejabat Pelajaran Johor dan Kementerian Pelajaran Johor harus berganding bahu untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup adalah menuju ke arah kecemerlangan.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Ghafar Md. Din (2003). "Prinsip Dan Amalan Pengajaran" : Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd..
- Asmudi Bin Abdullah (2000). "Persepsi Pelajar-pelajar Tingkatan Dua Terhadap Kerja Amali Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Teras Di Sekolah Menengah Zon Bandar Pontian, Johor." Projek Ijazah Sarjana Muda. UTM: Tidak Diterbitkan.
- Atan Long (1978). "Psikologi Pendidikan ." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Atan Long (1982). "Pedagogi Kaedah Am Mengajar ." Petaling Jaya: Amiza Publising Sdn Bhd.
- Atan Long (1998). "Pedagogi Kaedah Am Mengajar ." Petaling Jaya: Amiza Publising Sdn Bhd.
- Atan Long (1998). "Psikologi Pendidikan ." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azizi Yahaya.et.al (2005). "Psikologi Kognitif ." Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya.et.al (2007). "Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan." Kuala Lumpur: PTS Profesional Publising Sdn Bhd.
- Che Lah Bin Mahamud (1997). "Research Methods In Education." London : Croom Helm.
- Chua Yan Piaw (2006). "Kaedah Penyelidikan." Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Cohen,l dan Manion,L.(1985). "Research Methods In Education." London : Croom Helm.
- Gagne, Ellen D (1985). " The Cognitive Psychology Of School Learning." Boston: Little Brown.
- Hammidi A.H.(1985). "Industrial And Occupational Safety Health And Hygiene ." Delhi: Sushi Kumar.
- Hashim Fauzy Yaacob (2001). "Komunikasi Antara Manusia." Penerbit UTM.
- Heinrich W Heinrich Dalam Safarin (1993). "Monograf Keselamatan Bengkel ." Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail Bin Abdullah (1994). "Persepsi Dan Minat Pelajar Sekolah Menengah Perempuan terhadap Kemahiran Hidup Dan Kemahiran Manipulatif Tambahan Satu Tinjauan ." Tesis Ijazah Sarjana Muda Serta Pendidikan.: Tidak Terbit.
- Jamil Hashim, Othman Dahlan (1998). "Perundangan Persekolahan Di Malaysia(1957-1971)." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- J. S Farrant (1981). "Prinsip Dan Amali Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamaruddin Kacar (1998). "Kepimpinan Profesional Dalam Pendidikan." Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn Bhd.
- Meor Ibrahim Kamaruddin (2001). Modul : "Pembelajaran Sains Dan Matematik." Johor.: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Ghafar (1997). "Asas Penyelidikan Sains Sosial." Panel Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan , UTM.: Tidak diterbitkan.
- Mohd. Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisa Data Berkomputer: SPSS 10.0 for Windows." Kuala Lumpur: Venton.
- Mohd. Sharani Ahmad & Zainal Madon (2007). "Tip Pandai Belajar." Kuala Lumpur.: PTS Millenia.
- Musa Bin Daia (1978). "Prinsip Am Pendidikan." Kelantan.:Pustaka Awam Press Sdn Bhd.
- Newble , D & Canon. (1989). "Teaching Practical And Laboratory Classes." Asian Education And Trainning Magazine, bil 23 (4); m.s.18-21.
- Nordin Hassan (1991), "Pendidikan Satu Pemikiran Semula." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pang, M.S (1997). "Pedagogi 2: Perlaksanaan Pengajaran." Kumpulan Budiman Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- Ramlah Hamzah (1993). "Persepsi dan Masalah Guru Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup." Jurnal Pendidikan Guru , Bahagian Pendidikan Guru (KPM) Bil.9 : 50-71 .
- Ramlan Jantan & Mahani Razali (2002). "Psikologi Pendidikan Pendekatan Kontemporari." Mc Graw -Hill Education.: UPSI.
- Sharil Hj. Marzuki .(1993). "Vokasional Dan Teknik ; Peranannya Dalam Negara Perindustrian ." Dewan Masyarakat Julai: 54-56 home.
- Tajul Ariffin Nordin.(1993). "Penyelidikan Satu Pemikiran Semula ." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Universiti Teknologi Malaysia (1999). "Panduan Penulisan Tesis Untuk Pelajar UTM .": Perpustakaan Sultan Zanariah.
- W.F. Connel. (1981). "Asas Pendidikan ." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Yusri Kamin (2000). "Perkembangan Profesionalisme Garduan K.H Lulusan UTM di Sekolah-sekolah Di Negeri Johor." UTM: Tesis Master (Tidak diterbitkan)
- Zainal Bin Abd. Rahim. (1999). " Kesesuaian Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Dari Persepsi Pelajar Di Kawasan Batu Kurau Dan Selama, Perak." Projek Ijazah Sarjana Muda. UTM: Tidak Diterbitkan.
- Zainuddin Bin Mahmud. (1997). "Perhubungan Di Antara Kemahiran Sedia Ada Pelajar 2 SPH Dari Pembelajaran Kemahiran Hidup Semasa Di Sekolah Dan Kerja Amali Di UTM." Projek Ijazah Sarjana Muda. UTM: Tidak Diterbitkan.
- Zol Azlan. (2000). "Strategi Pengajaran: Pendekatan Sains, teknologi masyarakat" Selangor: Prentice Hall.